

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PENGURUSAN MURID**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN : N1, N2, N3, N4
TARIKH KUAT KUASA : 1 DISEMBER 2024

- | | |
|---|---|
| SYARAT LANTIKAN | <p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <p>(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau</p> <p>(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).</p> |
| SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU | <p>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p> |
| PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN | <p>3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</p> |
| PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN | <p>4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:</p> <p>(a) memenuhi tempoh percubaan;</p> <p>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan</p> <p>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> |
| KENAIKAN PANGKAT KE GRED N2 | <p>5. Pembantu Pengurusan Murid Gred N1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pengurusan Murid Gred N2 yang kosong apabila telah:</p> <p>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</p> <p>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</p> |

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED N3**

- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED N4**

6. Pembantu Pengurusan Murid Gred N2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pengurusan Murid Gred N3 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
7. Pembantu Pengurusan Murid Gred N3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pengurusan Murid Gred N4 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Pengurusan Murid yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).